

[Home](#) / [2025](#) / [November](#) /

Matematik Tanpa Sempadan: UiTM dan UHO Jalinkan Sesi Pengajaran Kolaboratif dalam Subjek Kalkulus

SINERGI

17/11/2025 / NAZIHAH ISMAIL



JENGA, 5 November 2025 – UiTM Cawangan Pahang (UCPh), Kampus Jengka telah menganjurkan satu sesi pengajaran kolaboratif antarabangsa dalam bidang Matematik melibatkan kerjasama antara **Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), UiTM** dan **Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan (FKIP), Universitas Halu Oleo (UHO), Indonesia** pada **7 Oktober 2025**.

Sesi pengajaran selama dua jam yang bermula pada pukul 10.00 pagi ini memfokuskan kepada topik dalam subjek **Kalkulus**, melibatkan seramai **40 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia**. Program ini bertujuan memberi **pendedahan antarabangsa** kepada pelajar terhadap pendekatan pengajaran Matematik selain membuka ruang **pertukaran ilmu dan teknik pedagogi** antara dua institusi pendidikan tinggi.





Wakil UHO terdiri daripada tiga orang pensyarah iaitu **Dr. Awaluddin, Prof. Dr. La Misu, dan Dr. Izlan Sentryo**. Manakala UiTM diwakili oleh barisan pensyarah **Pengajian Sains Matematik, FSKM UCPh** iaitu **Pn. Nur Hidayah Masni, Pn. Nazihah, Dr. Nor Fadhilah, dan Dr. Nurmarni Athirah**.

Sesi ini bukan sahaja memperkukuh **jalinan akademik antara UiTM dan UHO**, malah memberi peluang kepada pelajar untuk merasai **suasana pembelajaran yang inklusif dan merentasi sempadan negara**.

Inisiatif ini sejajar dengan usaha UiTM untuk **memperkukuh jaringan antarabangsa dalam bidang pendidikan tinggi**, di samping menyokong **pembangunan profesionalisme dalam pengajaran dan penyelidikan Matematik** di peringkat global.



Tags: **Fakulti Sains Komputer & Matematik (FSKM), UiTM Cawangan Pahang, Universitas Halu Oleo (UHO), Universiti Teknologi MARA (UiTM)**

□ Majlis Pembentangan Akhir Anugerah
Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2025

Kursus GAP Getah di UiTM Melaka:
Langkah Strategik Memacu □
Kecemerlangan Industri Perladangan

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

